

KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN...

Saudara-saudara Anggota Ikhwan.

Kalau saudara-saudara perhatikan keadaan di sekeliling kita di Semenanjung Tanah Melayu ini maka saudara-saudara akan melihat bahawa orang-orang yang mengambil bahagian di dalam perkembangan agama umumnya ditumpukan kepada orang-orang tua, atau ulama-ulama yang tertua. Mereka itulah yang umumnya menjalankan langkah-langkah atau mengambil peranan dalam perkembangan agama. Mereka itulah juga yang selalu tampil membahas atau berhujah di dalam perkara-perkara yang berbangkit di dalam perselisihan-perselisihan yang berlaku untuk membincangkan sesuatu masalah yang ada pertelingkahannya dalam agama.

Tetapi mereka itu tidak langsung mengikat perkara yang lebih utama dan lebih perlu ditanam di alam sanubari umat Islam iaitu menanamkan asas yang utama mengenai mengesakan Allāh *subhānahu wa Ta'ālā*.

Kami berani mengatakan dengan berterang-terang bahawa kalau kita selidiki tidak ada sebuah kitab pun yang dibuat oleh mereka itu yang mengenai dengan tauhid dengan erti kata menanam keyakinan dan kepercayaan mengenai tauhid itu. Kita tidak melihat sebuah kitab pun di Semenanjung Tanah Melayu ini yang mengajarkan ajaran-ajaran tauhid yang boleh meresap ke dalam dada penganut-penganutnya sehingga dengan keyakinan tauhid itu hiduplah di dalam jiwanya, hiduplah di dalam perasaannya bahawa tidak ada sesuatu yang lain yang disembah melainkan Allah dan hanya Allah itu yang berkuasa di atas segala-galanya.

Ajaran-ajaran tauhid yang mesti diajarkan semenjak dari kanak-kanak yang kecil lagi, tidak ada. Yang ada hanya ajaran-ajaran lama, cara lama, yang mengajarkan *wujud, qidām, baqā'*, sifat dua puluh yang terkenal, yang apabila diajarkan kepada kanak-kanak atau kepada pemuda-pemuda jiwanya tidak meresap -ia hanya sebagai air yang jatuh ke atas daun keladi, tidak memberi kesan dan tidak membawa kesan kepada jiwa yang menerimanya.

Tetapi kalau kita perhatikan cara yang dibawa oleh Rasulullah (S.A.W) mengajarkan Tauhid kepada sahabat-sahabatnya semenjak dari Mekah lagi maka tentunya kita akan mendapat keyakinan yang utama bahawa sahabat-sahabat yang menerima ajaran tauhid yang diajarkan oleh Muḥammad itu menjadikan pemuda-pemuda yang menerimanya tidak akan berganjak daripada keyakinan semakin mereka disiksa, semakin mereka disakiti, mereka makin yakin dan makin tegas pendiriannya walaupun maut dihadapinya.

Cara-cara bergerak ulama-ulama kita sekarang tidak lagi mereka itu mengikut jejak junjungan kita Muḥammad (S.A.W). Ulama-ulama kita tidak mahu menghampiri pemuda-pemuda, dan pemuda-pemuda pula berasa segan hendak menjumpai ulama-ulama itu.

Sebabnya nyata bahawa ulama-ulama kita itu, sebahagiannya memandang bahawa kalau seorang pemuda yang hampir kepadanya tidak lagi dicari jalan untuk mendekatinya tetapi mereka memandang kepada mereka itu acuh tidak acuh,

endah tidak endah bahkan setengah-setengah daripada mereka itu, meminta supaya ia dimuliakan, ditinggikan.

Tetapi ulama-ulama ini rupanya melupakan bahawa di antara 40 orang, orang-orang yang pertama yang dimuliakan dengan gelaran *al-Ṣābiqīn al-Awwalīn* itu yang mengandungi 40 orang hanya seorang sahaja yang berumur 50 tahun iaitu 'Abīdah 'Ibn Khālid, sedang Ḥamzah Bin Abd Muṭalib umurnya seumur dengan Nabi, tatkala ia masuk Islam iaitu 42 tahun, sedang 42 tahun itu menurut pengertian ulama-ulama masih disebut pemuda.

Rasulullah (S.A.W) tatkala mempelopori langkah yang pertama itu menanamkan semangat-semangat perjuangan kepada pemuda-pemuda ini iaitu pemuda-pemuda yang mempunyai darah yang subur dan kuat, tahan berjuang dan tahan berkorban apabila ia telah mempunyai keyakinan-keyakinan yang utama.

Apabila cukup 40 orang pengikut-pengikut junjungan kita yang setelah dididik beliau bertahun-tahun di rumah al-'Arqām maka baharulah pemuda-pemuda itu dengan berani dan tegas bergerak menunjukkan kepada umat bahawa mereka itu telah mengikut Muḥammad dan membawa kebenaran.

Mereka itu dengan berani dan tabah sebagai sifat pemuda mengadakan dua pasukan berbaris merata-rata lorong, pasukan yang pertama diketuai oleh 'Umar 'Ibn al-Muṭalib dan pasukan yang kedua dikepalai oleh Ḥamzah bin Abd Muṭalib. Mereka berjalan di lorong-lorong lalu menuju ke Kaabah, mereka *ṭawāf* beramai-ramai di sana dan sesudah mengerjakan sembahyang mereka berbaris pula balik ke tempat mereka hingga menjadikan *kuffār-kuffār* Quraisy kebingungan dan tidak apa yang akan dilakukan oleh mereka.

Demikianlah keberanian dan kegagahan mereka dalam

menjalankan tugas dan ini tidak akan dilakukan oleh mereka-mereka yang telah sejuk darahnya atau yang terbilang dengan orang-orang yang telah tua.

Marilah saudara-saudara anggota Ikhwan kami bawa kepada suatu riwayat seorang sahabat yang utama memeluk Islam pada masa umurnya 14 tahun yang termasuk orang-orang yang utama kemudiannya. Kami gambarkan ini kepada anggota Ikhwan supaya di dalam jiwa anggota Ikhwan hidup suatu keyakinan, hidup sesuatu keberanian di dalam menegakkan hak, dalam mendirikan agama yang mulia, berani menghadapi bahawa apa jua pun kerana tiap-tiap kita meyakinkan bahawa hidup dan mati kita adalah kerana Allah *Subhānahu wa Taālā*.



Tidak pilih miskin dan kaya, tatkala menghadap semuanya sama-sama di dalam serba-serbinya.

Dengarlah ceritanya: Pada suatu hari beberapa pemuda-pemuda Islam berkumpul dan di antara mereka ada yang bertanya:

“Siapakah yang berani memperdengarkan al-Qur’ān kepada orang-orang Quraisy? Siapakah yang berani membacanya dengan suara yang kuat dan lantang di hadapan orang-orang Quraisy itu?”

‘Abdullah Bin Mas‘ud yang masuk Islam tatkala umurnya hanya 14 tahun tampil lalu berkata:

“Saya!”

Pada saat itu beberapa orang pemuda berkata kepadanya:

“Kami sangat khawatir, kami takut saudara akan dianiaya oleh orang-orang Quraisy itu. Kami ingin seorang pemuda yang mempunyai kaum yang akan melindungi dari gangguan Quraisy yang kejam itu” (maksud pemuda-pemuda ini ialah ada seorang yang ada kerabatnya yang disegani oleh orang Quraisy untuk menganiayanya kerana ‘Abdullah Bin Mas‘ūd tidak ada kerabatnya)

Ketika itu ‘Abdullah berkata: “biarkan saya pergi memperdengarkan Al-Qur’ān. Allah akan memelihara diriku daripada gangguan mereka.”

Pada keesokan harinya ‘Abdullah Bin Mas‘ūd ke *Dār al-Nādiyah*. Setibanya di sana dengan suara yang nyaring ‘Abdullah Bin Mas‘ūd memperdengarkan bacaannya:

Bismi Allāh al-Rahmān al-Rahīm. al-Rahmān. ‘Allama al-Qur’ān terus hingga akhir surah.

Pada saat itu orang-orang Quraisy sedang berkumpul dalam *Dār al-Nadwah*, mereka pun satu sama lain tertanya-tanya: “Apakah gerangan yang dibaca Ibn Ummu ‘Abdullah? (‘Abdullah Bin Mas‘ūd)”

Tahukah saudara bahawa kita diwajibkan mengajar anak-anak kita supaya sembahyang? Semenjak ia *mumayyiz* kita diwajibkan mengajarnya!

Untuk memudahkan saudara-saudara melepaskan tanggungjawab ini maka bacalah buku-buku yang mengajar mereka sembahyang dengan cara yang paling mudah- buku ini mengikut pelajaran mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī.

1. Mari Sembahyang (lelaki) \$ 1.20
2. Mari Sembahyang (perempuan) \$ 1.20
3. Pelajaran Sembahyang I \$ 1.20
4. Pelajaran Sembahyang II

(mengenai imam, makmum dan masbuk dan sebagainya. 1.20

Inilah seindah-indah buku pelajaran sembahyang yang telah siap yang sangat mudah sekali untuk memahaminya. Belum ada seumpamanya yang pernah diterbitkan! Caranya moden - dan bukan tiruan yakni tidak mengikut cara-cara orang lain!

Ajarlah anak-anak tuan dengan kitab-kitab yang tersebut.

Seorang di antaranya berkata yang dibacanya itu tidak lain daripada sebahagian yang dibawa oleh Muḥammad.”

Pada saat itu keluarlah orang Quraisy dari tempat pertemuan itu lalu menghujani pukulan-pukulan ke atas diri ‘Abdullah pemuda yang berani benar mengatakan kebenaran ilmunya. Sekalipun ‘Abdullah dipukul dengan hebatnya namun ia terus membaca al-Qur’ān sehingga ke akhir surah.

Sesudah itu baharulah ia balik mendapatkan kawan-kawannya pemuda Islam yang menanti-nanti kedatangan dan membawa bekas pukulan yang hebat. Seorang di antaranya bertanya: “Apa yang terjadi di atas dirimu?”

‘Abdullah menyahut: “Sebenarnya aku tidak berasa gentar dan takut menghadapi seteru-seteru Allah itu dan aku

akan bersedia lagi pergi memperdengarkan al-Qur'an kepada mereka itu esok.”

Pemuda-pemuda kawan-kawannya pun menegah kemahuannya; mereka berkata: “Cukuplah sudah yang saudara derita hari ini”

Saudara-saudara anggota Ikhwan begitulah perjuangan pemuda. Begitulah pemuda di zaman Rasulullah tetapi pemuda di zaman Rasulullah jiwanya, hatinya keyakinannya, telah siram dengan jiwa tauhid, tauhid yang diajarkan oleh junjungan kita Muhammad (S.A.W) jiwanya membatunya tidak akan dapat dipecahkan. Oleh itu mana anggota-anggota Ikhwan yang tua-tua di satu-satu daerah kita anjurkan supaya mereka itu memimpin pemuda-pemuda mengadakan perhimpunan dengan pemuda-pemuda, tanamlah jiwa tauhid kepada mereka itu dengan menggambarkan kejadian alam dengan segala benda yang dilihat mereka itu untuk menjadi bukti atas kekuasaan Tuhan - kajilah keindahan-keindahan kejadian alam untuk mengesakannya dan janganlah menjadikan kajian mereka itu untuk mencari sifat dan zat Tuhan, kerana yang akhir ini tidak diperkenani oleh Rasulullah (S.A.W).

Gambarkanlah kepada mereka itu gambaran yang terang di hadapan matanya, di hadapan mata saudara-saudara anggota Ikhwan seperti nasi yang dimakannya, disuruh mereka itu berfikir dari mana datangnya nasi itu, bagaimana kejadiannya, bagaimana hidupnya dan seterusnya sehingga timbul suatu keyakinan bahawa benda yang menguatkan diri kita, yang menegapkan badan kita adalah pemberian daripada Allah. Oleh sebab itu hendaklah mereka tunduk kepada Allah dan hendaklah ditanamkan kepada mereka itu bahwasanya hidup dan matinya adalah di tangan Allah dan kejadiannya hanya daripada air yang hanyir yang jijik dan benci kepadanya dan yang kesudahannya menjadi bangkai busuk

hancur, balik menjadi tanah tempat asalnya, yang tinggal hanya rohnya, rohnya yang akan membawa akukah kebaktian, akukah jasa, apakah jihadnya kepada jalan Allah. Adakah ia orang yang mencari syahid mencari pengorbanan untuk menegakkan kalimah Tuhan atau dia manusia yang hidup tidak bersenang diri hidup berkesenangan yang tidak kekal lalu mempunyai tanggungjawab, tidak mengotakan apa yang dikatakan bahawa hidup dan matinya kerana Allah, tetapi a semenjak daripada mudanya hidup berfoya-foya hidup melanggar hukum Tuhan yang menjadikannya.

Saudara-saudara anggota Ikhwan tunaikanlah kewajiban saudara-saudara menyeru diri saudara sendiri, lingkungan diri sendiri suka menjadi pemuda tauhid supaya menjadi orang yang tauhid yang mengesakan Allah, yang tidak takut kelaparan, yang tidak takut mati, tidak akan takut terkurban tatkala menegakkan syiar kemuliaan agama Allah.

Khusyukkah sembahyang tuan?

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa kita ini datang dari setitik air yang hanyir dan akan kembali menjadi bangkai yang busuk yang tidak ada harganya”- kata Kiyai Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi.

Sujudlah kepada Tuhanmu!

Di susun oleh 'Idrus

Sesebuah buku *serial* syarahan 2 yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskhah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.